

Jabatan buat rondaan awasi dugong

DARI MUKA 1

apabila seekor anak dugong, Si Tenang, yang dipelihara nelayan, Atan Hussin lebih enam minggu, ditemui mati selepas dilepaskan ke laut.

Si Tenang dilepaskan atas arahan pegawai perikanan. Ahad lalu, seekor dugong betina dewasa ditemui mati di kawasan yang sama.

Mazlan berkata, jabatan itu akan membuat rondaan pen-guatkuasaan dan pengawasan selain mengkaji ancaman ke atas mamalia itu dan hidupan laut lain di kawasan berkenaan.

Di KOTA KINABALU, Ketua Unit Penyelidikan Marin Borneo Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Madya Dr Ridzwan Abdul Rahman, penemuan empat dugong dalam tempoh singkat di perairan itu boleh dianggap sebagai petanda kemungkinan persekitaran laut Selat Melaka masih sesuai untuk kehidupan mamalia laut itu.

Ini kerana penyelidik sebelum ini kurang pasti sama ada perairan Selat Melaka sesuai untuk dugong kerana banyak projek menimbul tanah, pembuangan sisa dan pencemaran, menyukarkan pertumbuhan rumput laut yang menjadi makanan utama hidupan itu.

"Mengikut kajian juga, sepanjang Pantai Barat Semenanjung dan pantai timur sebelah Johor adalah kawasan pertumbuhan rumput laut walaupun tidak semua sesuai sebagai makanan dugong.

"Bagaimanapun, kita sepertinya tidak terlalu berasa selesa dengan penemuan itu kerana kajian sebenar punca kematian dugong itu perlu dilakukan dahulu kerana ada pelbagai kemungkinan," katanya.

Ditemui pemberita selepas penutupan Bengkel Latihan Penyelidikan dan Pengurusan Mamalia Marin dan Jerung Paus Malaysia di Pulau Manukan, dekat sini hari ini, beliau juga tidak menolak kemungkinan tiga dugong dewasa itu mempunyai kaitan keluarga dengan Si Tenang.

13 MARCH 1999
BERITA HARIAN